

29/01/2001

Kita jadi tuan rumah Go-Kart Dunia tahun depan

Haryani Ngah

KEUPAYAAN menganjurkan sukan bermotor bertaraf dunia memberi kelebihan buat Malaysia menewaskan dua negara lain untuk terpilih tuan rumah pusingan akhir Go-Kart Cabaran Rotax Max Dunia 2002 di Litar Sirkuit Antarabangsa Morac Langkawi (MIKC), 21 hingga 27 Januari tahun depan.

Kelebihan infrastruktur serta kejayaan penganjuran Formula Satu (F1) di samping kesungguhan melobi memberikan kejayaan buat Malaysia menewaskan dua pencabarnya iaitu Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Australia.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein ketika mengumumkan pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah itu menyifatkan ia sebagai penghormatan kepada sukan bermotor di negara ini.

"Selepas kejayaan penganjuran F1 tahun lalu, kerajaan percaya sukan go-kart dapat menjadi pemangkin dalam melahirkan jaguh sukan bermotor di negara ini.

"Bagi memastikan penganjuran ini berjalan lancar, kita berharap anak muda serta pihak swasta dapat bekerjasama dalam menjayakannya.

"Mereka yang terbabit dalam kejohanan ini pula diminta supaya memberikan saingan mencabar kepada peserta negara luar," katanya selepas mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di majlis pelancaran Pusingan Akhir Go-Kart Cabaran Rotax Max Dunia di Litar Go-Kart Fast Trek Speed Zone, Sungai Penchala, semalam. Turut hadir, Menteri Kebudayaan dan Kesenian, Datuk Kadir Sheikh Fadzir.

Dr Mahathir adalah penaung Kejohanan Dunia ini yang dijangka menarik penyertaan daripada 33 negara dan menelan belanja sebanyak AS\$2 juta (RM7.6 juta).

Ketika ditanya berhubung sumber kewangan dalam mengendalikan kejohanan itu, Hishammuddin berkata, sehingga kini segala urusan kewangan dikendalikan oleh Program Rakan Muda.

Presiden Kumpulan Syarikat-syarikat Mofaz, Mohamed Fauzy Abdul Hamid berkata, negara ini mempunyai kira-kira 300 pemandu go-kart dan hanya tiga terbaik daripada lima pusingan kelayakan akan mewakili negara ke Kejohanan Dunia itu.

Cabaran pertama peringkat kebangsaan akan bermula pada 31 Mac dan pusingan akhir di MIKC, 15 September ini.

Selain juara tahun lalu, Afrika Selatan, cabaran sengit mungkin diberikan oleh Australia yang sudah pasti memilih tiga pemandu terbaik daripada 10,000 ahlinya.

Sementara itu, Hishammuddin turut menyampaikan biasiswa kepada dua pemandu terbaik, Nik Iruwan Nik Izani dari Selangor dan Mohd Rohairijaz Mat Ropin, Terengganu.

Kedua-dua pelajar tingkatan empat itu, menerima biasiswa berjumlah RM150,000, setiap seorang dari Mofaz Trading untuk tempoh satu tahun.

(END)